

Dr M khuatir kemampuan Anwar urus negara, Zahid tak wajar dilantik TPM

BH - 24/12/2022 mlh: 8-9

Pada usia 96 tahun, ada berpandangan Tun Dr Mahathir Mohamad sewajarnya bersara sepenuhnya daripada politik. Dua kali menjadi Perdana Menteri dianggap sudah memadai, ditambah pula selepas Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) diterajunya tewas teruk pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15). Namun, Tun ada alasan tersendiri mengapa beliau 'terpaksa' terus aktif bersiasah. Ikuti apa alasan Dr Mahathir dan apa pandangannya terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Seri Najib Razak, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selain isu Kerajaan Perpaduan, ekonomi dan politik semasa.

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

S: Adakah atas pengalaman lalu itu, Tun berpandangan Malaysia di bawah pentadbiran Anwar berdepan risiko sama?

J: Ketika itu, nampak dia tidak dapat cipta satu cara mengatasi krisis. Sama ada pada masa hadapan, dia boleh cipta cara menangani masalah dihadapi negara, kita belum dapat tentukan. Tetapi berdasarkan pengalaman ketika jadi Timbalan Perdana Menteri (dan) menunjuk kebolehannya, saya khuatir.

Sekarang ini negara menghadapi banyak masalah. Pertama, kesan pandemik. Kita juga dapati ekonomi merosot teruk, keadaan politik tidak stabil. Rakyat masih tidak senang dengan keadaan negara. Jadi, banyak masalah perlu ditangani kerajaan Anwar. Sama ada mampu atau tidak, kita akan lihat pada masa terdekat.

S: Ramai berpandangan Tun memang tak mahu Anwar jadi Perdana Menteri. Betulkah dan mengapa?

J: Itu terpulang kepada rakyat dan parti untuk memilih dia. Tapi saya khuatir kebolehan dia, sama ada dia boleh pimpin pada waktu kita menghadapi banyak masalah.

S: Pada sidang media pada 22 September 1999 ketika mengulas tuduhan liwat

ke atas Anwar, Tun menyebut '...this man cannot be allowed to become a leader in a country like Malaysia.' Adakah pendirian itu kekal sehingga sekarang?

J: Itu (isu liwat) dipertandingkan media antarabangsa, khususnya Israel. Israel berkata buat kali pertama Malaysia memilih Perdana Menteri terbabit dengan kebebasan seks. Sebab itu pada masa itu pun, saya berpendapat orang mempunyai moral sebegitu tidak sepatutnya menjadi Perdana Menteri. Sekarang ini saya masih mempunyai pendapat yang sama.

Tetapi kita dapati ada sistem pengampunan di Malaysia. Kalau pihak terbabit mengampunkan Anwar, kita perlu terima hakikat latar belakang dia itu tidak lagi boleh diambil kira.

S: Tun sendiri terbabit dalam pengampunan Anwar. Ketika itu, mengapa Tun setuju Anwar diberi pengampunan?

J: Pada masa itu, kita sedang bersaing dengan kerajaan Datuk Seri Najib Razak. Antara kerajaan Najib yang buruk dengan masalah Anwar, saya berpendapat lebih utama adalah keburukan pemerintahan Najib. Oleh itu lebih bahaya, saya terpaksa kerjasama dengan semua pihak, terutama parti lawan yang dulu bermusuhan dengan saya untuk jatuhkan Najib

pasal itu perkara lebih utama.

Sebab itu saya kerjasama bukan sahaja dengan Anwar, tetapi dengan parti lawan yang dulu bermusuhan dengan saya. Kita buat penilaian yang mana lebih buruk. Disebabkan kita berpendapat pemerintahan Najib lebih buruk, kita terpaksa bekerjasama dengan musuh Najib, walaupun musuh itu sebenarnya dulu adalah musuh saya juga.

S: Di Dewan Rakyat, Anwar berjaya membuktikan beliau memperoleh majoriti dua pertiga dan menjadi Perdana Menteri pertama dalam tempoh 15 tahun yang berjaya memperoleh sokongan sebegitu. Komen Tun?

J: Perdana Menteri perlu dapat lebih 50 peratus undi Dewan Rakyat. Saya yakin apabila dibentuk kerajaan campuran ini, dia tetap ada lebih separuh. Dia boleh menang (undi percaya).

Tetapi yang menjadi perkara luar biasa menyebabkan ramai terkilang, adalah perjanjian dibuat antara mereka supaya semua mesti sokong Anwar. Jika tidak, tindakan akan diambil.

Sebenarnya dalam undang-undang, setiap wakil rakyat bebas menyuarakan pendapat, tak boleh diadakan sekatan, perjanjian dan sebagainya. Tetapi itu yang dilaksanakan. Tanpa

perjanjian itupun, saya yakin dia akan dapat pengesahan kedudukannya sebagai Perdana Menteri. Tetapi apabila dibuat perjanjian atau syarat seperti itu, dia menidakkkan kebebasan wakil rakyat.

S: Bagaimana Tun melihat pembentukan kerajaan membabitkan kerjasama Pakatan Harapan (PH) dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN)?

J: Itu peliklah kerana kita tahu, UMNO dalam mesyuarat agungnya memutuskan tidak sama sekali dengan Anwar atau DAP. Pakatan diadakan ini menidakkkan dakwaan pendirian mereka. Tetapi sekarang ini bukan sahaja kerjasama, bahkan menyokong musuh mereka sebagai Perdana Menteri dan bekerjasama dengan DAP.

“Pertama, kesan pandemik. Kita juga dapati ekonomi merosot teruk, keadaan politik tidak stabil. Rakyat masih tidak senang dengan keadaan negara. Jadi, banyak masalah perlu ditangani kerajaan Anwar”



Soalan (S): Bagaimana Tun melihat proses pemilihan Perdana Menteri pasca-Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) membawa kepada pembentukan Kerajaan Perpaduan dan pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim?
Jawapan (J): Dalam pilihan raya ini, tak ada satu pun parti mendapat cukup bilangan untuk mendirikan kerajaan. Jadi ada keperluan parti menang jumlah terbesar menarik kerjasama dengan parti lain supaya jumlah kerusi mereka melebihi separuh daripada 222 kerusi di Dewan Rakyat.

Kerjasama seperti ini bukanlah kerana perpaduan, ini satu gabungan. Apabila tak ada parti menang dan cukup bilang, satu cara mendirikan kerajaan mempunyai majoriti adalah dengan ada gabungan atau *coalition*. *Coalition* tidak bermakna *unity* kerana masing-masing ada kepentingan. *Coalition* adalah cara mendapat kerajaan yang akan dapat dipertahankan dalam Dewan Rakyat kerana mempunyai majoriti.

S: Selepas 24 tahun, Anwar akhirnya menjadi Perdana Menteri. Apa jangkaan Tun mengenai prospek Malaysia di bawah Anwar?

J: Saya tak dapat teka apa jenis kerajaan, tetapi kita dapati tumpuan Anwar lebih kepada pengekalan sebagai Perdana Menteri. Berkenaan perancangan mengatasi masalah negara umpamanya kesan pandemik, kemerosotan ekonomi dan ketidakstabilan politik, semua ini belum diberi perhatian kerajaan Anwar.

S: Adakah Anwar memiliki keupayaan membawa Malaysia berdepan cabaran kemelesetan ekonomi di-ramalkan tahun depan?

J: Ketika saya jadi Perdana Menteri kali pertama, saya bercuti dua bulan. Ketika itu, Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri diberi tanggungjawab sebagai 'acting Prime Minister' (pemangku PM). Tetapi nampak dia tak dapat menangani masalah.

Selepas itu pula, berlaku krisis kewangan yang ringgit turun nilainya. Pada masa itu, Anwar juga Menteri Kewangan. Cara dia menangani masalah kejatuhan nilai ringgit itu dengan mengikuti pendapat IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) dan Bank Dunia.

Saya berpendapat kalau kita ikut IMF dan Bank Dunia, kita akan mufliks dan tak dapat laksanakan dasar ekonomi negara. Tetapi Anwar tak ada cadangan lain daripada mengikuti IMF dan Bank Dunia. Sebab itu saya terpaksa ambil alih tugas Kementerian Kewangan, saya cari jalan untuk menyelamatkan negara. Kalau dibenarkan Anwar berkuasa dan melaksanakan dasarnya, saya yakin kita tak dapat mengatasi krisis kewangan ketika itu.

S: Adakah ini memberi mesej negatif pada pengundi, khususnya pengundi muda, melihat parti politik tidak berpegang pada pendirian mereka?

J: Saya dapati sekarang ini dalam pilihan raya, janji dibuat. Selepas menang pilihan raya, janji diketepikan dan tindakan bertentangan dengan janji dilaksanakan. Bermakna kerajaan ini tidak hormati janji mereka buat kepada rakyat. Rakyat tentu kecewa kerana mereka menyokong atas sikap dan dasar parti atau calon, tetapi apabila menang, mereka ketepikan dasar dan janji mereka. Ini memberi gambaran seolah-olah pilihan raya tidak berkesan dalam menentukan pihak akan jadi kerajaan berdasarkan janji baik. Mereka mungkin lakukan benda di luar atau bertentangan janji mereka.

S: Tun pernah ramalkan UMNO hanya mampu berkuasa hingga 2020 dan parti Melayu lain juga tidak akan dapat sokongan. Ia kini menjadi kenyataan berdasarkan jumlah kerusi dimiliki UMNO, BERSATU dan Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) dalam PRU-15. Adakah ini bermakna parti berteraskan kaum tidak lagi relevan?

J: Itu tidak benar kerana pengundi terbahagi mengikut kaum. Mereka juga tinggal di tempat tertentu. Umpamanya dalam bandar, penduduknya adalah orang Cina. Di luar bandar, penduduknya Melayu. Kalau kita letak seorang calon Melayu di kawasan Cina, dia tidak akan menang. Demikian juga kalau orang Cina diletak di kawasan luar bandar, dia juga takkan menang.

Bermakna pengundi masih pegang kepada kaum. Mereka mengundi mengikut kaum. Kalau bukan daripada kaum mereka, mereka tidak akan undi. Sebab itu parti politik juga perlu ambil kira perasaan pengundi. Pengundi nak kaum mereka diiktiraf dengan memilih calon daripada kaum mereka.

Soalnya kalau nak hapuskan perkauman, kita perlu hapuskannya dalam kalangan pengundi. Katalah dalam bandar, penduduknya lebih kurang sama jumlah antara kaum, ada orang Cina, Melayu dan India. Di luar bandar pun demikian.

Tetapi itu belum berlaku sekarang. Kita masih lihat dalam bandar, kebanyakan pengundi terdiri daripada orang Cina dan calon mesti orang Cina. Bahkan dianggap ini adalah kawasan Cina. Luar bandar di dalam kampung adalah kawasan Melayu. Kita ter-

pisah pada peringkat pengundi, bukan parti.

Kalau kita tak nak ikut sentimen pengundi, kita tak menang. Kalau kata letak dalam bandar calon terdiri daripada pelbagai kaum, yang akan menang biasanya orang sama kaum dengan pengundi. Demikian juga di luar bandar.

S: Menjelang PRU15, Tun ada menyebut jika PH jadi kerajaan, tentu tidak ada tumpuan pada pengamalan cara hidup Islam. Adakah itu yang akan berlaku memandangkan kerajaan ketika ini diketuai PH?

J: Itu adalah jawapan saya kepada dakwaan Najib. Apabila dia kalah dalam PRU14, dia dapati yang menang ialah parti bukan majoriti Melayu. Dengan itu dia cadang diadakan satu kerajaan Melayu Islam. Dengan cara itu, dia memecahkan perpaduan. Apabila dia sebut begitu, maka Melayu Islam yang ada dengan kerajaan PH membuat keputusan untuk lompat masuk dalam parti dicadang Najib. Dengan itu, runtuhlah kerajaan.

Kita lihat tindakan diambil parti politik berasaskan sentimen yang ada pada pengundi. Kalau mereka berpendapat pengundi khuatir kalau kerajaan itu bukan kerajaan Melayu, maka mereka guna itu untuk meruntuhkan kerajaan dengan menarik keluar orang Melayu daripada kerajaan. Itu semua berasaskan perkauman.

S: Berhubung pelantikan anggota Kabinet, apa kesannya apabila Anwar melantik Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang memiliki puluhan pertuduhan rasuah di mahkamah, sebagai Timbalan Perdana Menteri?

J: Sepatutnya itu tidak dilakukan kerana dia sedang menghadapi tindakan mahkamah dan ada kemungkinan dia akan didapati bersalah dan dihukum. Orang sebegini tidak sepatutnya diberi jawatan begitu tinggi kerana Timbalan Perdana Menteri adalah orang akan ambil alih daripada Perdana Menteri jika sesuatu berlaku kepadanya.

Jadi kita akan dapat seorang Perdana Menteri masih berdepan tuduhan di mahkamah. Orang melihat oleh kerana dia Timbalan Perdana Menteri, mahkamah tidak boleh mengambil tindakan terhadapnya. Ini salah dari segi undang-undang kerana undang-undang tidak mengambil kira siapa kita. Ini akan mengganggu mahkamah untuk membuat keputusan. Mungkin mereka akan dapat tekanan dan undang-undang mungkin diketepikan. Maka ini bermakna dalam negara kita tiada *rule of law*.

S: Mungkin Ahmad Zahid dilantik bagi menjamin kestabilan kerajaan. Apa pandangan Tun?

J: Dulu dalam PRU14, Najib sebagai Presiden UMNO selepas kalah dan kemungkinan diha-

“ Saya berpendapat sistem pendidikan kita sudah tidak sesuai dengan masa dan tidak melatih kita menjadi seorang yang berguna untuk masyarakat. Banyak perubahan perlu diadakan **”**

dapkan ke mahkamah, dia letak jawatan. Sepatutnya Zahid juga buat begitu kerana dia mempunyai masalah sama dengan Najib, maka dia patut tak pegang apa-apa jawatan. Selepas itu baru kita dapati mahkamah tidak terganggu dengan tekanan, bahawa orang ini adalah pembesar dan undang-undang untuk pembesar tidak patut dikenakan seperti orang biasa. Ini melanggar konsep *rule of law*.

S: Adakah Tun bersetuju dengan kebimbangan pihak tertentu terhadap Anwar turut memegang portfolio Kementerian Kewangan, kerana khuatir tindakan salah guna kuasa seperti Najib berisiko berulang?

J: Dulu masa PH membuat manifesto, antara Perdana Menteri tidak boleh pegang portfolio lain. Apabila Najib jadi Perdana Menteri dan memegang jawatan Menteri Kewangan, banyak kesalahan dilakukan. Sebab itu, kita berpendapat oleh kerana Perdana Menteri begitu kuat dan boleh buat macam-macam, kalau dia diberi hak untuk mengurus kewangan negara, besar kemungkinan ada salah guna kuasa.

S: Adakah Tun melihat gandingan Anwar sebagai Menteri Kewangan dengan Rafizi Ramli dan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berpotensi membawa Malaysia keluar daripada kemelut pascapandemik?

J: Sebelum Kabinet dibentuk, ada cadangan orang ramai supaya dia memilih menteri mungkin bukan wakil rakyat, iaitu mempunyai kepakaran tertentu. Ini kerana ekonomi sekarang berbeza dengan dulu, sukar untuk ditangani kerana ada cara baharu seperti IT (teknologi maklumat), AI (kecerdasan buatan), bitcoin.

Jadi, cuma seorang pakar dalam bidang ini sahaja boleh tangani semua masalah ini. Sebab itu orang ramai berpendapat kalau nak pilih menteri kewangan, pilihlah orang mempunyai kepakaran walaupun bukan wakil rakyat. Dia boleh dijadikan senator dan dilantik.

Tetapi kita dapati cara lama untuk memberi tempat kepada orang politik masih diamalkan. Umpamanya beberapa menteri kalah dalam pilihan raya dilantik semula melalui pelantikan senator supaya menjadi menteri. Ini bercanggah dengan pendapat orang ramai, yang melalui undi mereka, menolak orang ini. Tapi kita sengaja tolak pendapat ramai dan buat sesuatu yang tidak disenangi rakyat.

S: Adakah Tun melihat kerajaan hari ini mampu kekal stabil dan bertahan sepanjang penggal menerusi formula gabungan PH, BN, Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan lain-lain atau tumbang di tengah jalan?

J: Itu sukar untuk kita teka apa akan jadi. Tetapi apa kita lihat ramai juga anggota kerajaan ini tidak mempunyai pengalaman. Mereka buat kali pertama diberi tugas amat berat. Kalau mereka tidak cekap, maka kerajaan tidak dapat menangani banyak masalah. Itulah sebab diutamakan adalah politik dan sokongan kepada kerajaan, bukan kebolehan mereka. Kalau nak diadakan Kerajaan Perpaduan, mungkin orang daripada parti lawan pun boleh dipilih kalau dia mempunyai kepakaran, supaya ada 'unity' antara kerajaan dan parti lawan.

S: Kementerian Pendidikan antara memiliki muka baharu sebagai menteri. Sebagai bekas Menteri Pelajaran, adakah langkah ini sesuai ketika pendidikan antara yang teruk terjejas akibat pandemik?

J: Saya berpendapat sistem pendidikan kita sudah tidak sesuai dengan masa dan tidak melatih kita menjadi seorang yang berguna untuk masyarakat. Banyak perubahan perlu diadakan. Sama ada menteri baharu ini sudah faham mengenai kelemahan yang ada pada sistem pelajaran kita atau tidak, saya tak tahu.

Tapi bagi saya, banyak benda perlu dilakukan untuk menyesuaikan ilmu didapati dalam sistem pendidikan ini dengan

kemungkinan apabila penuntut itu dewasa, mereka dapat bekerja dengan menggunakan ilmu yang mereka dapati.

S: Tun sudah dua kali menjadi Perdana Menteri. Apa perkara paling dikesalkan dalam tempoh itu?

J: Apabila kita jadi Perdana Menteri, kita boleh adakan cadangan. Tetapi cadangan sahaja tanpa kebolehan melaksanakannya menyebabkan cadangan kita tidak berhasil. Umpamanya kalau kita kata penduduk luar bandar miskin, mereka perlu diperkayakan. Soalnya, macam mana nak perkayakan mereka? Kalau kita tak faham, kita tak boleh buat. Kita mesti ada idea macam mana nak mengatasi masalah. Cuma membuat dasar sahaja tidak akan menghasilkan cita-cita kita.

S: Apa perkara yang masih belum dicapai dalam tempoh dua kali Tun menjadi Perdana Menteri?

J: Banyak. Terutama dalam bidang pelajaran, pembangunan, infrastruktur dan politik. Banyak benda sudah lapuk sejak kita merdeka 60 lebih tahun lalu. Pada mulanya, masalah tidaklah begitu rumit. Tapi sekarang ini dengan perubahan iklim, pelbagai teknologi baharu diperkenalkan dan cara perniagaan berubah, semua ini menjadikan cara lama sudah lapuk. Kita perlu ada cara baharu yang sesuai dengan alat yang ada pada kita. Saya berpendapat orang baharu dilantik ini, entah sama ada mereka ada cukup ilmu dan pengalaman untuk menangani masalah baharu ini.

S: Pada usia 96 tahun dan Tun sendiri kalah dan hilang deposit di Parlimen Langkawi, ada yang berpandangan tiba masa Tun bersara dan duduk di masjid. Adakah Tun masih relevan dalam arena politik negara atau sampai waktu bersara daripada politik sepenuhnya?

J: Saya nak bersara daripada politik. Sebenarnya pada 2002, saya mahu letak jawatan. Saya nak berserah. Tapi apabila saya bersara, terdapat banyak perkara berlaku yang tidak disenangi orang ramai. Mereka bertanya kepada saya, sama ada saya boleh tolong atau tidak. Jadi dengan pengalaman 22 tahun sebagai Perdana Menteri, saya faham masalah dan cara mengatasi masalah.

Kalau orang tanya, boleh ke tak tolong? Saya kata 'sorrylah, saya nak rehat, saya nak balik ke madrasah, nak sembahyang untuk akhirat.' Jadi nampak saya utamakan diri lebih daripada bangsa saya. Saya selalunya memandang masalah bangsa saya itu adalah perkara utama dalam kehidupan saya. Jadi saya tak boleh utamakan diri saya sedangkan bangsa saya mungkin menghadapi masalah. Kalau saya ada cara untuk mengatasi, tak baiklah kalau saya lebih utamakan kepentingan diri saya.